

KERTAS 1 [1103/1]

Dua jam lima belas minit

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A

[30 markah]


[Masa yang dicadangkan: 45 minit]

Gambar di bawah ini menunjukkan sebahagian daripada tanggungjawab kita sebagai jiran. Huraikan pendapat anda tentang tanggungjawab kita sebagai jiran. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.


TANGGUNGJAWAB SEBAGAI JIRAN



Menjalin Hubungan Baik dan Memuliakan Jiran



Membantu Jiran



Mengawasi Rumah Jiran

Bahagian A

Pendahuluan

jiiran ialah orang yang tinggal berhampiran dengan rumah kita – di depan, di belakang, di atas atau di bawah rumah kita – mempunyai tanggungjawab terhadap jiran

Isi-isi Penting

- (a) menjalin hubungan baik dan memuliakan jiran – berkenal-kenalan dan bertegur sapa dengan jiran – selalu bermanis muka dengan mereka – hormat-menghormati dan kunjung-mengunjung – berbaik-baik dan berbual-bual dengan jiran apabila ada kelapangan – menjemput jiran apabila mengadakan majlis di rumah – menjalin hubungan baik dengan jiran umpama membina kubu yang kuat di rumah – wujud keselesaan dalam kehidupan*
- (b) membantu jiran yang berada dalam kesusahan – menjadi orang pertama yang memberikan bantuan jika jiran berada dalam kesusahan – membantu dengan serta-merta – membawa jiran yang sakit ke hospital – memberikan sokongan emosi – menenangkannya – membantu jiran yang berada dalam kesusahan umpama memberi air atau makanan kepada seseorang yang sangat dahaga atau lapar*
- (c) mengawasi rumah jiran – menjadi orang yang paling dipercayai dan boleh diharapkan ketika jiran tiada di rumah – menjaga rumah mereka daripada dimasuki pencuri – memantau keadaan rumah jiran bagi memastikan keselamatan rumah jiran – bertindak apabila rumah jiran diancam bahaya – kepercayaan terhadap jiran dapat meredakan keresahan untuk meninggalkan rumah – mempunyai jiran yang akan mengawasi rumah*

Penutup

seseorang yang menyakiti hati jiran tidak akan hidup tenteram – mengukuhkan hubungan dengan jiran – bulat air kerana pembedung, bulat manusia kerana muafakat – bersedia untuk menghadapi susah senang dengan jiran – berat sama dipikul, ringan sama dijinjing

Bahagian B

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

- 1 Anda menyertai Kem Motivasi yang dianjurkan oleh pihak sekolah pada cuti sekolah yang lalu.

Jelaskan faedah-faedah yang anda peroleh dengan menyertai kem tersebut.

- 2 Anak-anak semakin terabai lantaran kesibukan ibu bapa dengan pelbagai urusan terutamanya yang berkaitan dengan kerjaya mereka.

Bincangkan.

- 3 Kemajuan teknologi menyebabkan hubungan kemanusiaan sesama anggota masyarakat menjadi semakin renggang.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

- 4 Masalah kemiskinan dan tahap pendidikan yang rendah masih membelenggu penduduk di beberapa buah negara di dunia.

Huraikan peranan negara-negara di dunia untuk membantu negara-negara tersebut.

- 5 Minat pembaca terutamanya murid sekolah terhadap karya sastera akan bertambah melalui penghasilan karya-karya sastera yang baik.

Berikan pendapat anda tentang ciri-ciri yang perlu ada dalam sesebuah karya sastera yang baik dan digemari pembaca.

Bahagian B**Soalan 1**Pendahuluan

berpeluang untuk menyertai Kem Motivasi anjuran pihak sekolah – kem ini diadakan selama tiga hari dua malam – program ini dapat memberikan motivasi dan keyakinan diri dalam diri – menyertai pelbagai aktiviti yang dijalankan

Isi-isi Penting

- (a) mendapat motivasi dan suntikan semangat untuk belajar dengan bersungguh-sungguh – semakin bersemangat untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran – berjuang untuk mendapatkan keputusan yang terbaik – perlu bijak membuat perancangan dan pengurusan masa agar masa dapat diurus dengan berkesan
- (b) dapat mengenali murid dari kelas lain – meluaskan pergaulan dengan rakan sebaya – bertukar-tukar pendapat dan pandangan tentang cara-cara untuk meningkatkan prestasi pelajaran – perlu bersikap bijak semasa memilih rakan – rakan akan mempengaruhi perlakuan dan sikap kita
- (c) mendapat ilmu pengetahuan dan pengalaman baharu yang berbeza dengan suasana pembelajaran di dalam kelas – tidak berasa bosan ketika menimba ilmu – kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berbeza dengan suasana di dalam kelas – kebijaksanaan memanfaatkan ruang untuk menimba ilmu amat penting
- (d) membina keyakinan diri untuk melakukan sesuatu aktiviti – fasilitator dan guru-guru yang terlibat memberikan sokongan dan dorongan agar lebih berkeyakinan – tidak berasa gentar lagi untuk melontarkan pendapat dalam aktiviti berkumpulan – tidak berasa gentar untuk menempuh cabaran dan dugaan
- (e) meningkatkan kecergasan fizikal – tubuh badan – badan yang sihat dan cergas akan membina otak yang cerdas – sentiasa bersemangat untuk belajar – aktiviti lasak menguji ketahanan fizikal dan mental – dapat menumpukan perhatian terhadap pengajaran guru di dalam kelas

Penutup

berasa bertuah kerana dapat menyertai program anjuran pihak sekolah – program seperti ini akan memberikan manfaat kepada mereka – perlu menggunakan peluang yang ada untuk mendapatkan ilmu kerana 'jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya'

Soalan 2Pendahuluan

kebanyakan ibu bapa kini sibuk dengan urusan masing-masing terutamanya yang berkaitan dengan kerjaya – memberikan fokus terhadap kerjaya – menyebabkan kebajikan anak-anak terabai

Isi-isi Penting

- (a) keletihan setelah melaksanakan tugas masing-masing – tidak berkesempatan untuk bertanyakan khabar anak-anak – anak-anak membesar tanpa perhatian daripada ibu bapa
- (b) keghairahan ibu bapa untuk mendapatkan pendapatan yang lebih menyebabkan mereka tidak berpeluang untuk merancang masa depan anak-anak – menyebabkan anak-anak terabai
- (c) ibu bapa beranggapan bahawa kasih sayang dan perhatian akan dapat dibeli dengan wang ringgit – bagi anak-anak pula, tiada ertinya wang ringgit yang banyak tanpa kehadiran ibu bapa di sisi
- (d) pada zaman moden ini, kesibukan ibu bapa tidak akan menyebabkan anak-anak terabai – ibu bapa dapat menghubungi anak-anak melalui telefon atau Internet – anak-anak akan berasa seperti berada bersama dengan ibu bapa
- (e) kebanyakan ibu bapa kini mempunyai ilmu keibubapaan yang tinggi – berkeupayaan untuk menyusun atur kehidupan anak-anak ke arah kejayaan – menyusun jadual tuisyen dengan cara mengundang guru-guru untuk mengajar anak-anak di rumah

Penutup

terdapat kebaikan dan keburukan apabila ibu bapa sibuk mencari nafkah – hakikatnya, ibu bapa berbuat demikian untuk kebaikan anak-anak mereka – perlu bijak menyusun atur jadual harian mereka

Soalan 3Pendahuluan

kepentingan teknologi dalam kehidupan – Apakah kepentingan teknologi? Sejauh manakah benarnya pendapat pelbagai pihak bahawa kemajuan teknologi menyebabkan hubungan kemanusiaan sesama anggota masyarakat semakin renggang?

Isi-isi Penting

- (a) kemajuan dalam bidang teknologi penyiaran menyebabkan amalan ziarah-menziarahi semakin berkurang – ketika televisyen belum tersebar luas, anggota masyarakat akan kunjung-mengunjungi untuk mengeratkan hubungan silaturahim – selepas pulang dari tempat kerja, mereka akan memerap di rumah dan terus menghadap televisyen – kemajuan dalam teknologi penyiaran menyebabkan hubungan kemanusiaan semakin renggang – melahirkan masyarakat yang bersikap ‘seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing’
- (b) kemajuan dalam bidang teknologi automatif menyebabkan hubungan kemanusiaan menjadi renggang – masyarakat kini berkemampuan untuk memiliki kenderaan sendiri – tidak berkongsi kenderaan untuk pergi ke sesuatu destinasi – kemajuan teknologi automotif juga menyumbang kepada kerenggangannya hubungan antara manusia
- (c) kemajuan dalam teknologi pendidikan menyebabkan murid-murid tidak lagi bergantung kepada guru – Internet menyediakan pelbagai bahan yang membantu melancarkan proses pembelajaran – dapat mengakses jawapan dengan mudahnya melalui Internet – hubungan antara guru dengan murid boleh menjadi renggang akibat penggunaan teknologi pendidikan
- (d) kemajuan teknologi komunikasi menyebabkan seseorang dapat menghubungi sahabat lama – persahabatan sangat penting dalam kehidupan manusia – kemajuan teknologi berjaya mendekatkan yang jauh dan menyambung hubungan persaudaraan yang telah lama terputus
- (e) kemajuan teknologi penyiaran dapat mengeratkan ukhuwah antara anggota keluarga – semua anggota keluarga akan berkumpul untuk menonton drama bersiri yang bertemakan kekeluargaan

Penutup

kemajuan teknologi mendatangkan pelbagai implikasi dalam hubungan kemanusiaan – menjadi positif jika pengguna teknologi menjadikannya positif dan begitulah sebaliknya

Soalan 4Pendahuluan

membiarkan negara-negara miskin terus bergelut dengan belunggu kemiskinan merupakan suatu tindakan yang tidak bijak – negara-negara di dunia hendaklah komited mengambil inisiatif membantu negara-negara miskin daripada terus dicengkam masalah kemiskinan

Isi-isi Penting

- (a) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui UNESCO hendaklah berusaha untuk mempertingkatkan mutu pendidikan di negara-negara miskin tersebut – kejahilan merupakan punca utama masalah kemiskinan
- (b) negara kaya (perindustrian) hendaklah membuat pelaburan di negara miskin – negara miskin dapat memanfaatkan hasil negara untuk rakyat – mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan untuk penduduk – membaiki taraf hidup mereka
- (c) PBB melalui WHO hendaklah memulihkan tahap kesihatan penduduk di negara-negara miskin – tahap kesihatan yang rendah menyebabkan pelbagai penyakit seperti kolera dan Aids meningkat
- (d) mempergiatkan kempen keamanan dunia – usaha daripada masyarakat antarabangsa dan NGO supaya kuasa besar dunia tidak terus-menerus mengeksploitasi negara-negara miskin – sebaliknya, mengamalkan tanggungjawab moral dan sosial untuk membantu masyarakat sejagat
- (e) menghulurkan bantuan kemanusiaan – bantuan segera seperti makanan, pakaian, ubat-ubatan, dan tempat berlindung kepada negara-negara yang ditimpa malapetaka dan krisis kemiskinan

Penutup

sesungguhnya, hidup ibarat roda, ada masanya kita berada di atas dan ada masanya kita berada di bawah – bantu-membantu untuk menangani masalah – kemiskinan dan kemelaratan di negara-negara miskin tidak sepatutnya dijadikan peluang untuk menahan lukah di pergentingan

Soalan 5Pendahuluan

bahan bacaan sastera masih diperlukan oleh pembaca walaupun zaman telah berubah – perkembangan teknologi tidak dapat menghalang minat pembaca terhadap karya-karya sastera daripada bercambah – karya-karya sastera masih bercambah – membentuk keluhuran budi dan kehalusan jiwa dalam kalangan pembaca

Isi-isi Penting

- (a) penulis menghasilkan karya-karya sastera yang baik dan bermutu melalui penelitian, perasaan, dan pengalamannya yang digarap dengan baik dan sempurna – meyakinkan pembaca akan ketulusan hatinya semasa berkarya – contohnya, karya yang dihasilkan oleh A. Samad Said yang bertemakan peperangan begitu hidup kerana dihasilkan melalui pengalaman beliau – memberikan pengajaran kepada pembaca agar menjaga dan mempertahankan negara daripada ancaman penjajah*
- (b) pelbagai tema menarik turut menambat hati pembaca – memberikan pengajaran kepada pembaca agar mengharungi cabaran dan dugaan kehidupan dengan tabahnya – kegigihan untuk mencapai sesuatu matlamat seperti yang dipamerkan oleh watak ‘Hilmi’ dalam novel ‘Konserto Terakhir’*
- (c) kepelbagaian perwatakan yang mewarnai karya sastera – gambaran perwatakan sama ada watak jahat atau watak baik digambarkan dengan seimbang untuk menghidupkan cerita – watak Leftenan Adnan dalam novel ‘Kapten Adnan Wira Bangsa’ berkembang dengan baiknya*
- (d) gaya bahasa yang baik dan menarik turut mempengaruhi mutu sesuatu karya sastera – dapat menarik minat pembaca untuk menghayati karya – hati pembaca tersentuh apabila membaca karya yang dihasilkan dengan menggunakan bahasa yang baik seperti yang digambarkan oleh A. Samad Said dalam novel ‘Salina’*
- (e) karya sastera yang baik juga mengandungi pelbagai nilai murni yang dapat dijadikan panduan oleh pembaca – membolehkan pembaca membuat penilaian dengan baiknya sebelum mengambil sesuatu tindakan – contohnya, watak Leftenan Adnan dalam novel ‘Leftenan Adnan Wira Bangsa’ digambarkan sebagai seorang anak yang baik dan berakhlak mulia*

Penutup

jelaslah bahawa sesuatu karya sastera yang baik perlu mengandungi pelbagai ciri menarik seperti yang digambarkan – pembaca akan membaca dan menghayati karya-karya yang memenuhi cita rasa khalayak pembaca

KERTAS 2 [1103/2]

Dua jam tiga puluh minit

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d), dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastra Melayu Tingkatan 4.

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan-kepentingan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional dan kekangan untuk merealisasikannya**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Malaysia berpotensi untuk menjadi negara yang memacu teknologi tinggi serta dengan rakyat yang mempunyai kemahiran dalam berbagai-bagai bidang. Asas kepada kejayaan untuk merealisasikan hasrat ini bergantung pada sistem pendidikan negara yang melengkapkan murid-murid dengan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) supaya mereka dapat menghadapi persaingan global.

Pendidikan TVET menjadi laluan yang penting bagi negara untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi kerana lulusannya berkemampuan untuk menghadapi pelbagai cabaran mutakhir dalam bidang pekerjaan. Lulusan TVET juga memiliki kemahiran yang sesuai dengan keperluan pekerjaan semasa. Hal ini bersandarkan sasaran pendidikan kemahiran dengan fokus utamanya adalah untuk memberi latihan dan menyediakan murid-murid ke alam pekerjaan apabila mereka menamatkan pengajian. Di samping itu, pendidikan ini melahirkan golongan pekerja mahir dan separa mahir yang menjadi *tulang belakang* sektor perindustrian negara yang merangkumi pelbagai lapangan. Tambahan pula, kemahiran yang dikuasai oleh mereka itu dapat memperkukuh kedudukan negara dalam bidang teknologi perindustrian yang semakin pesat perkembangannya pada masa ini.

Sehubungan dengan itu, dapatlah ditegaskan bahawa pendidikan TVET menjanakan golongan murid yang menguasai pekerjaan berasaskan pengetahuan, dan seterusnya membangunkan bakat dan meningkatkan kemahiran rakyat. Oleh sebab itu, pendidikan TVET sentiasa ditingkatkan untuk melahirkan lulusan pada peringkat sijil, diploma, dan diploma lanjutan. Kelebihan TVET jelas terbukti melalui latihan teori dan amali, di samping skim latihan sepanjang hayat. Sumbangan lulusan TVET telah meningkatkan kecekapan dan kepakaran dalam bidang teknologi industri di negara ini. Oleh sebab itu, pendidikan TVET perlu dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh murid-murid kerana melaluinya mereka dapat merancang kerjaya, dan seterusnya menceburi bidang pekerjaan dengan memperoleh pendapatan yang lumayan. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka sudah terdedah dengan bidang pendidikan kemahiran yang sangat bernilai ini.

Peluang yang sudah disediakan dalam pendidikan TVET tidak sewajarnya dilepaskan oleh generasi muda di negara ini. Tambahan pula, kewujudannya menjamin sektor pekerjaan memperoleh tenaga kerja yang terlatih untuk memenuhi keperluan industri tempatan. Mereka harus mengambil peluang ini dan memanfaatkan kemahiran yang ditawarkan melalui TVET untuk membina kerjaya yang meyakinkan. Hal ini sesuai dengan keperluan kehidupan untuk rakyat di sebuah negara yang sedang bergerak pantas mengejar kemajuan.

Dipetik dan diubah suai daripada 'TVET Terap Kemahiran Bermanfaat'
oleh Noor Azam Abdul Rahman, *Dewan Siswa*, Jun 2015

Soalan 1: RumusanPendahuluan

- Petikan membincangkan manfaat-manfaat bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional kepada murid-murid di negara ini.
- Petikan membincangkan kebaikan-kebaikan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional dan halangan untuk merealisasikannya
- Rumusan membincangkan kelebihan-kelebihan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional dan kekangan untuk merealisasikannya.

Isi-isi Tersurat (Kepentingan-kepentingan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional)

1. Pendidikan TVET melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi.
2. Lulusan TVET memiliki kemahiran yang sesuai dengan keperluan pekerjaan semasa.
3. Fokus utamanya untuk memberi latihan dan menyediakan murid-murid ke alam pekerjaan.
4. Pendidikan TVET melahirkan pekerja mahir dan separa mahir.
5. TVET memperkukuh kedudukan negara dalam bidang teknologi perindustrian.
6. TVET menjanakan murid-murid menguasai pekerjaan yang berasaskan pengetahuan.
7. TVET menyediakan latihan teori dan amali, selain skim latihan sepanjang hayat.
8. TVET meningkatkan kecekapan dan kepakaran dalam bidang teknologi industri.
9. Sektor pekerjaan memperoleh pekerja yang terlatih.

Isi-isi Tersirat (Kekangan untuk merealisasikannya)

1. Pendidikan berteraskan kecemerlangan akademik sudah sebari dengan rakyat Malaysia.
2. Prasarana pendidikan TVET memerlukan perbelanjaan yang besar.
3. Minat murid-murid yang masih tumpul terhadap pendidikan TVET.
4. Persepsi ibu bapa terhadap bidang kemahiran yang masih rendah.
5. Latihan tenaga pengajar TVET memerlukan penstrukturan semula pada pelbagai peringkat.
6. Pihak sekolah merangsang minat murid-murid untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang akademik.

Penutup/Kesimpulan

Kesimpulannya, murid-murid hendaklah mengorak langkah untuk menceburi pendidikan kemahiran agar mereka laris dalam pasaran pekerjaan.

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *tulang belakang*. [2 markah]

... maksud: punca kekuatan sesuatu tindakan

- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa faktor murid-murid perlu memanfaatkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Apakah faktor-faktor tersebut?

[3 markah]

... mereka dapat merancang kerjaya – mereka dapat menempa peluang pekerjaan – mereka memperoleh pendapatan yang lumayan apabila mereka bekerja

- (iii) Masyarakat perlu mengubah sikap semasa mencari rezeki dan tidak terlalu berharap untuk bekerja makan gaji sebagai sumber pendapatan.

Pada pendapat anda, mengapakah lulusan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) tidak sewajarnya bekerja makan gaji?

[4 markah]

... mereka memiliki kemahiran dan boleh membuka perusahaan sendiri – pendapatan yang diperoleh lebih lumayan daripada bekerja makan gaji – mereka memiliki keupayaan mencipta inovasi dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu – mereka boleh menubuhkan pusat latihan untuk melatih golongan belia dalam bidang kemahiran

Soalan 2(b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

POSMEN: Ada sesiapa yang bernama Aiman Faizullah bin Khir Ghazali di rumah ini?

AIMAN: Ada, sayalah orangnya. Surat apa ini?

POSMEN: Surat daripada Jabatan Latihan Khidmat Negara. Ini bermakna, adik terpilih untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara. Bagus program itu. Kalau umur abang macam adik, pasti abang tak akan lepaskan peluang ini.

AIMAN: Abang buang saja surat ini. Saya tak berminat langsung. Buat apa nak bersusah payah sertai program macam ini. Ayah saya banyak duit. Apa yang saya nak, semua boleh dapat. Buang masa dan tenaga saja program macam ini. Untuk orang susah bolehlah. Maklumlah, dapat makan percuma enam kali sehari, tempat tidur dan pakaian semua diberikan. Siap dapat RM50.00 lagi ... ha ... ha ... ha.

POSMEN: Tak baik cakap macam itu, banyak faedahnya program seperti ini. Cuba jangan fikir tentang duit dan makan minum tu. Cuba fikirkan tentang kemahiran dan pengalaman yang akan diperolehi nanti.

AIMAN: Abang ini cakap banyak pula, macamlah abang pernah sertai program tu.

POSMEN: Memanglah abang tak pernah sertai program itu. Tapi, hasil daripadanya, dah banyak yang abang nampak.

AIMAN: Tak fahamlah saya, bang.

Dipetik daripada drama 'Berkhidmat untuk Negara'
oleh Affix Zulkarnaen Adam
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan petikan drama, nyatakan alasan-alasan yang diberikan oleh Aiman untuk menolak pemilihannya sebagai pelatih Program Latihan Khidmat Negara. [2 markah]

... ayahnya kaya dan banyak duit kerana baginya, program itu sesuai untuk remaja daripada golongan miskin sahaja – dia boleh mendapat apa-apa sahaja yang dia mahu – program itu membuang masa dan tenaganya

- (ii) Program Latihan Khidmat Negara memberikan manfaat kepada golongan remaja yang menyertainya. Pada pandangan anda, mengapakah seseorang remaja yang sihat dan cukup syarat perlu mengikuti Program Latihan Khidmat Negara? [3 markah]
... untuk memupuk semangat patriotik/cinta akan negara dalam jiwa remaja – untuk menanam sifat yakin dan berdikari dalam diri setiap remaja – untuk menambahkan ilmu/kemahiran/pengetahuan yang belum pernah dipelajari oleh seseorang remaja – untuk membolehkan seseorang remaja memahami kepelbagaian budaya dan adat resam masyarakat yang berbeza
- (iii) Huraikan **satu** latar tempat yang terdapat dalam petikan dan **satu** latar tempat lain daripada keseluruhan drama yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]
... satu latar tempat berdasarkan petikan: rumah Khir Ghazali/Aiman, contohnya, posmen telah datang menghantar sepucuk surat tawaran kepada Aiman sebagai pelatih PLKN
... satu latar tempat berdasarkan keseluruhan drama: sekolah, contohnya, Cikgu Dahari berbincang dengan anak-anak muridnya berkaitan kelebihan menyertai PLKN – bilik Aiman, contohnya, Aiman melayari Internet menggunakan komputer riba di biliknya

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. Maka kata Patih Gajah Mada, “Hai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku, ‘Jangan tiada dikasihi anakku ini,’ kerana bapamu sudahlah *mati dengan pekerjaan* Seri Betara. Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung.”

Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun terlalu sukacita hatinya, seraya menyembah kaki Patih Gajah Mada.

Maka sembah Kertala Sari, “Endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu? Pada hati manira, jika negerinya pun dapat manira alahkan dengan seorang kula juga, syahadan segala anak bininya orang Melaka itu pun dapat manira ambil. Adapun jika belum manira bunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu belum mati, tiada mahu manira jadi penggawa.”

Setelah Patih Gajah Mada mendengar demikian itu maka ia pun terlalu sukacita, seraya diperjamunya makan minum dan bersuka-sukaan dan diberinya persalin.

Setelah sudah maka Kertala Sari pun dibawanya masuk menghadap Seri Betara. Maka sembah Patih Gajah Mada, “Adapun penjurit tujuh orang yang dititahkan oleh paduka Betara pergi ke Melaka itu khabarnya sudah mati dibunuh oleh Laksamana ketujuhnyanya.”

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’ dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan petikan tersebut, berikan maksud *mati dengan pekerjaan*. [2 markah]
... maksud: meninggal dunia/maut/terbunuh disebabkan oleh
- (ii) Nyatakan reaksi dan tindakan Patih Gajah Mada setelah mendengar kata-kata yang diucapkan oleh Kertala Sari. [3 markah]
... Patih Gajah Mada sangat gembira/terlalu sukacita – dihidangi Kertala Sari dengan makan dan minum – mereka bersuka-sukaan – Kertala Sari diberikan persalinan pakaian – Kertala Sari pun dibawanya masuk menghadap Seri Betara

- (iii) Membalas jasa seseorang yang telah berjasa kepada kita merupakan tindakan yang murni.

Seandainya anda Patih Gajah Mada, mengapakah anda ingin melantik Kertala Sari sebagai pegawai agung?
[3 markah]

... untuk menaikkan semangat juang Kertala Sari bagi melawan musuh – sebagai pengiktirafan bahawa Kertala Sari merupakan pahlawan Jawa yang paling berani/kuat – sebagai menghargai jasa bapanya yang terkorban di tangan Laksamana Melaka atas kesetiiaannya terhadap Seri Betara/Raja Majapahit – Kertala Sari boleh membalas dendam atas kematian bapanya yang tewas di tangan Laksamana di Melaka – Kertala Sari dikatakan memiliki ilmu dan kemahiran teknik berperang – Kertala Sari cekap bermain senjata

Soalan 2(d) – Puisi Tradisional

Baca syair di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Syair Bidasari			
Dengarkan tuan suatu riwayat, Raja di desa Negeri Kembayat, Dikarang fakir dijadikan hikayat, Supaya menjadi tamsil ibarat.	1	Beberapa lamanya dalam kerajaan, Baginda duduk bersuka-sukaan, Datanglah beroleh kedukaan, Baginda meninggalkan takhta kerajaan.	5
Ada raja suatu negeri, Sultan <i>halifah akas</i> bestari, Asalnya baginda raja yang bahari, Melimpah <i>ngadil</i> dagang senter.	2	Datanglah kepada suatu masa, Melayanglah unggas dari angkasa, Unggas <i>gurda</i> sangat perkasa, Menjadi negeri rosak binasa.	6
Hairan orang empunya temasya, Baginda itulah raja perkasa, Sangat tiada merasai susah, Entah pada esok dan lusa.	3	Datanglah menyambar suaranya bahana, Gemparlah sekalian mulia dan hina, Seisi negeri gundah-gulana, Membawa diri ke mana-mana.	7
Seri sultan raja bestari, Setelah ia sudah beristeri, Beberapa bulan beberapa hari, Hamillah puteri permaisuri.	4	Baginda pun sedang dihadap orang, Mendengar gempar seperti perang, Bertitah baginda raja yang garang, “Gempar ini apakah kurang.”	8

Dipetik daripada syair ‘Syair Bidasari’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud **rangkap kelima** syair tersebut. [2 markah]
... maksud: Raja memerintah Negeri Kembayat dengan suasana aman damai, harmoni, dan gembira – pada suatu hari, Negeri Kembayat dikejutkan dengan berita sedih apabila baginda terpaksa meninggalkan kerajaannya
- (ii) Usaha untuk memulihkan sesebuah negeri yang dilanda sesuatu bencana perlu dilakukan dengan kadar segera.
Pada pandangan anda, apakah kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku jika negeri yang dilanda kemusnahan akibat sesuatu bencana lambat dipulihkan? [3 markah]
... penularan wabak penyakit berjangkit seperti penyakit taun – peningkatan jumlah kematian rakyat jelata akibat lambat menerima bantuan/rawatan – kekurangan bekalan makanan dan air bersih – masalah kecurian di premis-premis perniagaan yang rosak akibat bencana
- (iii) Jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam syair tersebut. [4 markah]
... sebagai pemimpin, kita hendaklah menjalankan tanggungjawab yang diberikan oleh rakyat dengan penuh integriti dan amanah – kita perlulah bijaksana ketika merangka, menyusun, dan membuat segala perancangan tugas supaya tugas itu terhasil dengan baiknya dan sempurna

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis **satu ayat bagi setiap frasa** di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menukarkan imbuhan atau menggugurkan imbuhan atau menggunakan frasa itu sebagai peribahasa atau nama khas.
- (i) menjejaskan keyakinan
*Setiap pegawai penguat kuasa perlu sentiasa bertindak secara profesional apabila menangani sesuatu kes agar tindakan itu tidak **menjejaskan keyakinan** awam terhadap kewibawaan mereka.*
 - (ii) memusatkan perhatian
*Semua tamu yang berada di dalam dewan **memusatkan perhatian** terhadap kedua-dua mempelai yang mengambil tempat di atas pelamin.*
 - (iii) menimba kemahiran
*Murid-murid yang mengikuti kursus di kolej vokasional dapat **menimba kemahiran** dalam pelbagai bidang pekerjaan.*
 - (iv) pengukuhan integriti
*Kursus yang berkaitan dengan keunggulan jati diri itu secara tidak langsung bertujuan untuk membina **pengukuhan integriti** dalam kalangan peserta.*
 - (v) penyelesaian konflik
*Perselisihan faham antara anggota keluarga itu sudah berakhir dan boleh dijadikan bukti bahawa langkah **penyelesaian konflik** yang diambil itu memang berkesan.*
 - (vi) penyeragaman kutipan
*Semua penyewa di kompleks perniagaan itu menyatakan perasaan puas hati mereka kerana terdapat **penyeragaman kutipan** sewa bulanan yang dilakukan oleh pemilik premis itu.*
- [6 markah]
- (b) Kenal pasti dan tulis jenis ayat majmuk yang berikut sama ada ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan komplemen, ayat majmuk pancangan relatif atau ayat majmuk campuran.
- (i) Sektor pertanian tetap berkembang pesat dan menjanakan peluang pekerjaan di Malaysia.
Ayat majmuk gabungan
 - (ii) Ketua jabatan itu menjelaskan bahawa kakitangannya tidak terlibat dengan gejala rasuah.
Ayat majmuk pancangan komplemen
 - (iii) Syafikah memakai sepasang baju kurung yang dijahit oleh kakaknya.
Ayat majmuk pancangan relatif
 - (iv) Pendapatan rakyat di negara kita semakin meningkat tetapi nasib mereka tidak setanding dengan rakyat di negara maju.
Ayat majmuk gabungan
 - (v) Pihak penguat kuasa sentiasa bekerja keras untuk membasmi penyeludupan bahan bakar di sempadan negara.
Ayat majmuk pancangan komplemen

- (vi) Pegawai Jabatan Perhilitan telah menyerbu rumah pemburu haram itu untuk memastikan bahawa dia menyimpan binatang yang dilindungi sebelum dijual ke luar negara.
Ayat majmuk campuran

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Peningkatan harga barang yang berlaku pada masa ini telah mengundang pelbagai pandangan dan spekulasi dalam kalangan masyarakat kerana mereka tertekan oleh beban kenaikan tersebut.

Kesalahan ejaan: spekulasi – spekulasi

Kesalahan dari segi imbuhan: Peningkatan – Peningkatan

- (ii) Kewujudan institusi perbankan Islam mendapat sambutan yang menggalakkan bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Muslim, bahkan meliputi pelanggan yang bukan beragama Islam.

Kesalahan ejaan: pelanggan – pelanggan

Kesalahan dari segi imbuhan: perbankan – perbankan

- (iii) Risiko yang dihadapi oleh pengguna yang membeli barangan dalam talian, antaranya mereka membayarkan wang pendahuluan tetapi tidak menerima barangan tersebut.

Kesalahan ejaan: Risiko – Risiko

Kesalahan dari segi imbuhan: membayarkan – membayar

[6 markah]

- (d) Dalam petikan di bawah ini, terdapat **tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Pendidikan ialah aset utama pembangunan sesebuah negara. Oleh sebab itu, berbagai pendekatan dilaksanakan untuk memastikan sistem pendidikan sentiasa utuh dengan keperluan semasa. Kaedah yang diamalkan itu ialah proses revolusi yang berterusan kerana ilmu itu sentiasa bercambah. Sehubungan dengan itu, sistem pendidikan ditambah baik daripada masa ke semasa untuk melahirkan modal insan yang berkualiti. Di atas dasar itulah sistem pendidikan tidak boleh lari daripada melalui proses transformasi supaya dapat disesuaikan dengan inspirasi negara.

Kesalahan penggunaan kata atau istilah:

(i) *utuh – relevan*

(ii) *revolusi – evolusi*

(iii) *inspirasi – aspirasi*

Kesalahan tatabahasa:

(i) *berbagai – berbagai-bagai/pelbagai*

(ii) *daripada masa ke semasa – dari semasa ke semasa/dari masa ke masa*

(iii) *Di atas – Atas*

[6 markah]

- (e) Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.
- (i) Kita hanya dapat menunjukkan perasaan simpati akan kesusahan yang dialaminya tetapi dia yang menanggungnya lebih memahaminya kerana berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul sekalipun dia tidak pernah meminta bantuan daripada orang lain.
- (ii) Kita hendaklah berbelanja mengikut kemampuan diri sendiri seperti kata peribahasa ukur baju di badan sendiri dan kita hendaklah mengelakkan daripada berbelanja secara berlebihan sehingga menyusahkan diri sendiri.
- (iii) Usaha yang dilakukan oleh lelaki itu untuk menyembunyikan pelibatangannya dalam kegiatan penyeludupan tidak ubah bagai kelip-kelip terbang malam kerana kegiatannya telah diketahui umum.

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
 (ii) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
 (iii) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
 (iv) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin

- (a) Pelbagai persoalan diwujudkan oleh pengarang dalam novel yang dihasilkannya. Jelaskan **dua persoalan** yang terdapat dalam sebuah novel yang anda pelajari. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **tiga perwatakan watak utama** yang berperanan penting dalam novel tersebut. [8 markah]

Soalan 4: Novel**Novel *Jendela Menghadap Jalan***(a) *Persoalan:*

- ... *Persoalan tentang keganasan dalam rumah tangga – Contohnya, Che Jah hidup menderita akibat sering menjadi mangsa sepak terajang suaminya yang bersikap panas baran, kaki judi, dan pemabuk.*
- ... *Persoalan tentang amanah semasa menjalankan tanggungjawab – Contohnya, sebagai Penolong Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kak Mimah dan Nadia berusaha dengan sedaya upayanya untuk membantu Che Jah mengheret suaminya yang sering memukulnya ke muka pengadilan.*

(b) *Tiga perwatakan watak utama, iaitu Lili:*

- ... *Seorang yang penyayang – Contohnya, Lili amat menyayangi ibu dan bapanya dengan sentiasa mengingati setiap pesanan ibunya ketika berada di kampung.*
- ... *Seorang yang taat akan suruhan ibu bapa – Contohnya, Lili akur akan suruhan ibunya yang menghantarnya pulang bercuti di kampung kelahiran ibunya di Dungun, Terengganu.*
- ... *Seorang yang baik hati – Contohnya, Lili memaafkan kesalahan Rafiq dan Haziq yang telah menahan, mengikat, dan mengurungnya di dalam sebuah pondok buruk.*

Novel **Leftenan Adnan Wira Bangsa**

(a) *Persoalan:*

- ... *Persoalan tentang pandangan jauh seorang ketua keluarga – Contohnya, Pak Saidi menghantar anak-anaknya ke sekolah beraliran Inggeris walaupun mendapat kritikan daripada penduduk Kampung Sungai Ramal.*
- ... *Persoalan tentang keberanian untuk mempertahankan negara daripada ancaman musuh – Contohnya, keberanian Leftenan Adnan dan askar Melayu yang lain ketika mempertahankan negara menjadi buah mulut rakan-rakan dan pihak musuh.*

(b) *Tiga perwatakan watak utama, iaitu Leftenan Adnan:*

- ... *Seorang yang penyayang – Contohnya, Leftenan Adnan menghantar isteri dan anak-anaknya pulang ke kampung demi keselamatan mereka apabila terdengar ura-ura Jepun hendak menyerang Tanah Melayu dan Singapura.*
- ... *Seorang yang rajin – Contohnya, Adnan banyak membantu ayahnya menoreh getah, bersawah padi, dan memungut buah durian di dusun duriannya.*
- ... *Seorang yang memiliki semangat cinta akan negara yang tinggi – Contohnya, Adnan bercita-cita untuk menjadi seorang tentera kerana perasaan sayangnya akan negara.*

Novel **Di Sebalik Dinara**

(a) *Persoalan:*

- ... *Persoalan tentang kasih sayang seorang anak terhadap bapa kandungnya – Contohnya, Farisha berasa sangat sedih dan sempat menatap wajah ayah kandungnya, iaitu Karl yang terbaring di katil rumahnya di Puchong sebelum ayahnya menghembuskan nafasnya yang terakhir.*
- ... *Persoalan tentang kesungguhan semasa melaksanakan tanggungjawab – Contohnya, Aqram bertanggungjawab terhadap ketuannya, iaitu Karl yang mengarahkannya menjejaki Farisha sehingga berjaya dan meminta Farisha menyelamatkan Dinara.*

(b) *Tiga perwatakan watak utama, iaitu Farisha:*

- ... *Seorang yang penyayang – Contohnya, Farisha menangis apabila mendapat tahu bahawa abangnya, Azraai mengalami masalah serangan jantung.*
- ... *Seorang yang bijaksana – Contohnya, Farisha mampu mendebatkan sistem Dinara dengan Aqram walaupun dia baru belajar tentang sistem itu.*
- ... *Seorang yang pemaaf dan tidak menyimpan dendam – Contohnya, Farisha tidak berdendam dengan Karl, iaitu ayah kandungnya yang banyak merencanakan kehidupan Farisha melalui penyelidikan sainsnya.*

Novel **Pantai Kasih**

(a) *Persoalan:*

- ... *Persoalan tentang keretakan dalam rumah tangga – Contohnya, hubungan suami isteri antara Doktor Sadiz dengan Raiha menghadapi masalah setelah Raiha berkeras untuk terus mengekalkan janin yang dikandungnya walaupun didesak berulang kali oleh suaminya supaya menggugurkan janin yang tidak normal itu.*
- ... *Persoalan tentang amanah semasa menjalankan tanggungjawab – Contohnya, sebagai seorang pakar pembedahan, Raiha memegang amanah untuk menjalankan operasi pembedahan penggantian sendi pinggul terhadap pesakitnya, Unong Siron.*

(b) *Tiga perwatakan watak utama, iaitu Raiha/Doktor Raiha:*

- ... *Seorang yang penyayang – Contohnya, Raiha amat menyayangi anak tunggalnya, Rohayu walaupun anaknya itu merupakan orang kelainan upaya yang menghidap sindrom Down.*
- ... *Seorang yang bertanggungjawab – Contohnya, Raiha menjalankan tugasnya sebagai seorang doktor dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi.*
- ... *Seorang yang bijaksana – Contohnya, Raiha bijak menangani peristiwa pemuda kurang siaman yang telah menahan Felicia Landosi di bilik bedah dengan membenarkan ibu Unong Siron memujuk pemuda itu.*